

Kenangan bersama Tunku

Oleh AZLINARIAH ABDULLAH
(WARTAWAN UTUSAN)

SEBAGAI seorang yang dicatat dalam sejarah negara kerana berjaya membawa Malaysia kepada kemerdekaan, Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj tentunya kekal menjadi individu, pemimpin, 'bapa' yang disanjung serta diingati.

Sekalipun masa terus berlalu dan tidak boleh diputar kembali, sanjungan dan ingatan kerana jasa yang satu itu tetap tidak berubah di kalangan generasi mana-mana sekali pun.

Buktinya cukup jelas. Sanjungan dan ingatan yang sentiasa segar terhadap Almarhum itu terus mekar sehingga hari ini, selepas 50 tahun Malaysia meraikan kemerdekaan.

Cerminan kepada sanjungan itu pula datangnya dalam bentuk yang variasi, tetapi fokusnya menjurus kepada menonjolkan kelainan, keistimewaan dan keunikan seorang bernama Tunku Abdul Rahman.

Sebut sahaja, ada jalan dinamakan sempena nama beliau manakala sebuah memorial berdiri teguh di atas kekuatan sejarah peribadi dan kepimpinannya. Memorial itu tersergam di Jalan Dato' Onn, Kuala Lumpur.

Dikagumi

Itu belum dikira penghargaan khas yang dilaksanakan pihak tertentu setiap kali menjelang 31 Ogos di mana negara bersemarak dengan semangat kemerdekaan.

Naskah-naskah dalam bentuk buku, majalah dan sebagainya yang merakamkan betapa beliau seorang dikagumi, barangkali boleh dikatakan 'bersepah' diterbitkan, jelas sekali menggambarkan permintaan apa sahaja mengenai Tunku itu ingin ditatap oleh khalayak, tentunya rakyat Malaysia.

Baru-baru ini berlangsung pelancaran buku, juga mengenai Tunku, iaitu *Prince Among Men: Recollections and Reflections on Tunku Abdul Rahman Putra*.

Seperti kebanyakan buku lain, judul itu turut merakamkan sumbangan kepada Tunku, yang digelar Bapa Kemerdekaan kerana jasanya membawa Malaysia ke arah kemerdekaan.

Cumanya yang membezakan buku-buku mengenai Tunku sebelum ini dengan *Prince Among Men: Recollections and Reflections on Tunku Abdul Rahman Putra* ialah matlamatnya mahu mengabadikan kenangan silam menarik dalam kehidupan beliau melalui kaca mata orang perseorangan yang mengenali Tunku secara peribadi.

Sudah tentu, buku ini datangnya dalam bentuk kompilasi tulisan dan antara tokoh yang menyumbangkan 'kenangan' bersama Tunku ialah kerabat diraja, sahabat dan ahli keluarga.

Istimewanya dalam buku ini terdapat artikel Tun Mohamed Suffian Hashim yang beliau tulis semasa hayatnya.

Antara ahli keluarga yang menyumbang

artikel termasuk Tunku Datin Paduka Khadijah Tunku Abdul Rahman (anak), Datuk Syed Hussein A. Bakar (menantu), Tunku Rozaini Tunku Ahmad Nerang (cucu), Tunku Yusuf Jewa (anak saudara) dan Suleiman Tunku Abdul Rahman (anak angkat).

Terdapat juga tokoh luar negara yang turut sama menyumbang artikel di dalam buku ini iaitu Tan Sri T.K Critchley (bekas pesuruhjaya tinggi berasal dari Australia) dan Des Alwi (bekas diplomat Indonesia).

Kelainan buku ini ialah selain mengumpulkan artikel melalui orang perseorangan yang mengenali secara dekat Tunku, perbitan *Prince Among Men: Recollections and Reflections on Tunku Abdul Rahman Putra* terhasil daripada program Arkib Negara seperti sejarah lisan memabitkan 11 tokoh dan ceramah kemerdekaan seorang tokoh.

Antara 11 tokoh yang diwawancara bagi menambahkan koleksi artikel dalam buku berkenaan termasuk Tunku Ja'afar Tunku Abdul Rahman, Tengku Budriah Tengku Ismail, Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, Tun Fatimah Hashim, Datuk Tan Chin Nam dan Datuk Nelson Arputham.

Petikan rakaman ceramah kemerdekaan oleh bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Musa Hitam dipilih Arkib Negara untuk dimuatkan dalam buku tersebut.

Pelancaran buku berkenaan yang berlangsung penuh meriah di Carcosa Seri Negara itu disempurnakan oleh Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Tuanku Syed Putra Jamalullail.

Sementara itu, ada yang bertanya kenapa judulnya sebegitu *Prince Among Men: Recollections and Reflections on Tunku Abdul Rahman Putra*?

"Semua pemimpin ada keistimewaan dan keunikannya tersendiri. Tetapi Tunku pada saya lain dari yang lain, itu membawa saya mengkaji dengan terperinci peribadi serta ketokohan beliau, yang sekali gus membawa pula kerja-kerja menyunting *Prince Among Men: Recollections and Reflections on Tunku Abdul Rahman*," kata editor buku, Prabhakaran S. Nair semasa ditemui di majlis itu.


Katanya, relevan judul berkenaan ialah ekoran keperibadian, bakat, keistimewaan Tunku menjadikannya 'putera' di kalangan orang biasa.

"Sifatnya yang berhemah tinggi, suka bergaul, mudah mesra, berbakat kepimpinan adalah ciri-ciri seorang 'putera'. Itu semua dicoret dengan penuh kenangan oleh koleksi tulisan-tulisan rakan-rakan, keluarga dan orang perseorangan yang pernah bekerja bersama Tunku," katanya yang sempat mencadangkan tulisan Yap Chin Kwee berjudul *Tunku The Tragic Hero* sebagai bacaan 'jangan ditinggalkan' apabila pembaca menekuni buku berkenaan.

Beliau dalam pada itu turut berharap agar nilai-nilai murni yang ada pada Tunku tidak terus mati, sebaliknya wajar sekali terus hidup dengan diamalkan sampai bi-

UM-13/8/2007

Sifatnya yang berhemah tinggi, suka bergaul, mudah mesra, berbakat kepimpinan adalah ciri-ciri seorang 'putera'. Itu semua dicoret dengan penuh kenangan oleh koleksi tulisan-tulisan rakan-rakan, keluarga dan orang perseorangan yang pernah bekerja bersama Tunku



PRABHAKARAN bersama buku *Prince Among Men: Recollections and Reflections on Tunku Abdul Rahman Putra*.

la-bila oleh lapis-lapis generasi akan datang.

Buku terbitan Arkib Negara Malaysia berhalaman 493 muka surat ini turut dihidangkan dengan gambar-gambar nostalgia, ada di antaranya jarang dilihat kerana ia adalah koleksi peribadi penyumbang artikel dan ahli keluarga Tunku.

Arkib Negara Malaysia dalam kenyataannya menyebut bahawa kerja-kerja penulisan buku berkenaan telah dimulakan dua tahun lepas dan jawatankuasa kerja buku itu telah berjaya mengenal pasti serta me-

yakinkan individu daripada pelbagai latar belakang untuk menyumbang artikel dalam tempoh yang singkat.

Sebaik dilancarkan, *Prince Among Men: Recollections and Reflections on Tunku Abdul Rahman Putra* boleh didapati di kedai-kedai buku terpilih di negara ini atau mereka yang berminat boleh mendapatkannya terus dari Arkib Negara.

Buku berkenaan boleh didapati dengan harga RM180 (berkulit keras), RM140 (berkotak dan berkulit tebal) dan RM120 (berkulit nipis).